

# PBB menuntut siasatan penuh, bebas

» *Majlis Keselamatan bermesyuarat bincang tragedi, kutuk serangan*

► Geneva

**M**ajlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) semalam mengutuk serangan terhadap MH17 dan menuntut siasatan penuh dan bebas dilakukan ke atas insiden terbabit.

Ahli majlis berdiri bertafakur selama seminit untuk memberi penghormatan kepada mangsa yang terkorban dalam kemalangan yang dipercayai didalangi oleh kumpulan pemisah di timur Ukraine sebelum memulakan mesyuarat tergempar untuk membincangkan tragedi berkenaan.

Ahli Majlis Keselamatan mahu agar siasatan antarabangsa penuh dilakukan secara menyeluruh dan bebas terhadap kejadian itu mengikut garis panduan penerbangan awam antarabangsa dan akauntabiliti yang sesuai.

sahkan kewarganegaraan 16 lagi penumpang MH17 yang terhempas di Ukraine.

MAS dalam kenyataannya berkata dengan pengesahan terkini itu, pecahan penumpang mengikut kewarganegaraan ialah Belanda (189), Malaysia (44), Australia (27), Indonesia (12), United Kingdom (9), Belgium (4), Jerman (4), Filipina (3), Kanada (1) dan New Zealand (1).

"Baki empat penumpang belum lagi disahkan," kata kenyataan itu.

## Mohon terbang 35,000 kaki

Menurut kenyataan itu susulan insiden berkenaan, MAS kini tidak lagi terbang di ruang udara Ukraine, sebaliknya mengikut laluan jauh ke selatan melintasi Turki.

Kenyataan itu juga menyebut MH17 memohon untuk terbang pada ketinggian 35,000 kaki ketika melintasi ruang udara Ukraine dan ketinggian itu menghampiri ketinggian optimum.

"Bagaimanapun, ketinggian penerbangan sesebuah pesawat ditentukan oleh menara kawalan. Ketika memasuki ruang udara Ukraine, MH17 diarah oleh menara kawalan trafik udara Ukraine untuk terbang pada ketinggian 33,000 kaki," kata kenyataan itu.


Menurut kenyataan itu, pelan penerbangan MH17 diluluskan oleh Eurocontrol yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengatur laluan penerbangan di ruang udara Eropah.

## Info

### Peluru berpandu Buk

BH 19/7/14 MS 6

- **Dibangunkan** semasa era Kesatuan Soviet. Turut dikenali sebagai SA-17 Grizzly.
- **Berupaya** melancarkan peluru berpandu sehingga ketinggian 22,000 meter.
- **Dalam keadaan** tertentu ia mampu mencapai ketinggian sehingga 50 kilometer.
- **Kelajuan** 830 meter sesaat
- **Berat peluru** 710kg dan panjang 5.5 meter
- **Tahap kemusnahan** 90 hingga 95 peratus



### Bantuan antarabangsa

Mereka turut menekankan keperluan untuk semua pihak memberikan bantuan segera kepada penyiasat untuk ke lokasi kemalangan bagi menentukan punca kejadian itu.

Ahli majlis juga turut mengucapkan takziah kepada kerajaan dan keluarga mangsa yang terbunuh dalam kejadian terbabit.

Dalam pada itu, ahli majlis mahu bantuan antarabangsa untuk mencari mereka yang bertanggungjawab menembak jatuh pesawat Boeing 777 itu.

Sementara itu di Kuala Lumpur, Penerbangan Malaysia (MAS) menge-

hadkan perkhidmatan navigasi udara bagi Eropah dan ditadbir Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

Kenyataan itu menyebut Eurocontrol menyimpan rekod semua penerbangan yang melintasi ruang udara Eropah termasuk Ukraine.

Menurut kenyataan itu lagi pada April lalu, ICAO mengenal pasti satu kawasan di semenanjung Crimea sebagai berisiko.

"MH17 tidak pernah terbang atau memohon untuk terbang memasuki kawasan itu. MH17 pada sepanjang masa terbang di ruang udara yang diluluskan ICAO," katanya.

## MH17 DITEMBAK



Jarak pesawat  
25km



MH17

AI113

Indian Airlines

B/H 19/7/14  
MS 7

tinggian 10,000 meter

## PESAWAT PENERBANGAN MALAYSIA (MH17)

### Penerbangan Amsterdam-Kuala Lumpur (AMS-KUL)

Ⓞ Jenis pesawat Boeing 777-200ER Ⓞ No pendaftaran 9M-MRD Ⓞ No pembinaan 28411 Ⓞ Barisan nombor 84



Ⓞ Penerbangan pertama 17 April 1997 Ⓞ Usia kapal 17 tahun Ⓞ Merekodkan 75,322 jam penerbangan Ⓞ Kuasa enjin Rolls-Royce Trent 892

### INFO PENERBANGAN

Ⓞ Berlepas dari Amsterdam jam 12.15 tengah hari (waktu Amsterdam).

Ⓞ Membawa seramai 298 penumpang termasuk 15 anak kapal.

Ⓞ Terhempas di perkampungan Grabovo, Donetsk, timur Ukraine, berhampiran sempadan Russia dipercayai ditembak, malam kelmarin.

Ⓞ Pesawat dipandu Kapten Wan Amran Wan Hussin dan dibantu Kapten Choo Jin Leong Lugene.

Ⓞ Dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), Sepang pada jam 6.10 pagi Jumaat.



## Mangsa tragedi MH17



Belanda



189

Belgium



4

Malaysia



44

Jerman



4

Australia



27

Filipina



3

Indonesia



12

Kanada



1

United Kingdom



9

New Zealand



1

*4 lagi penumpang belum disahkan kewarganegaraannya*

